

# 3,082 pelajar IPTA terima manfaat

► *Daripada Program Food Bank Siswa sejak Februari*

Oleh SADDAM EDRIS

UB 12.5.2019 B4

KOTA KINABALU: Kira-kira 3,082 pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh negara menerima manfaat daripada Program Food Bank Siswa sejak inisiatif itu diperkenalkan pada Februari tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya menyasarkan 20 lagi IPTA yang akan menjadi perintis program

berkenaan.

“Sasaran akhir kami bagi menggerakkan program Bank Siswa di seluruh universiti awam sehingga hujung tahun ini adalah sebanyak 20,000 pelajar yang akan menerima manfaat ini.

“Sasaran akhir kami bagi menggerakkan program Bank Siswa di seluruh universiti awam sehingga hujung tahun ini adalah sebanyak 20,000 pelajar yang akan menerima manfaat ini. ”

**DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

awam sehingga hujung tahun ini adalah sebanyak 20,000 pelajar yang akan menerima manfaat ini.



**SAIFUDDIN** (dua, kiri) menyempurnakan gimik pelancaran Food Bank Siswa UMS sambil disaksikan oleh tetamu kehormat yang lain.

“Masing-masing kampus bermula dengan jumlah penerima yang berbeza, misalnya kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) dimulakan dengan 433 penerima, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) seramai 800 penerima, Universiti Putra Malaysia 500 penerima dan Universiti Malaysia (UM) seramai 1000 penerima.

“Jumlah berbeza ini kemudiannya akan meningkat apabila program ini semakin berkembang. Maka kami letak sasaran seramai 20,000 penerima seluruh negara,” katanya dalam sidang media selepas melancarkan Program Food Bank Siswa di Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP) UMS, pada Jumaat.

Dalam pada itu Saifuddin berkata, setakat ini, sebanyak 430 penyumbang yang memberi komitmen dengan KPNHEP yang terdiri daripada Pusat Membeli Belah Hypermarket dan supermarket terkemuka di negara ini.

Manakala katanya, penggerak program pula adalah dalam kalangan barisan kepimpinan universiti yang akan mengurus segala urusan berpandukan konsep *Food Pantry* dan *Central Kitchen*.

“Program ini secara tidak langsung akan memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan pelajar.

“Ini adalah aktiviti luar dewan kuliah yang

sebenarnya penting untuk memupuk kemahiran organisasi dalam kalangan mereka,” katanya.

Tambahnya lagi, ia juga memberi manfaat kepada sesetengah pelajar yang memerlukan bantuan ekoran tekanan sara hidup.

Selain itu katanya, bagi peringkat kebangsaan yang dilancarkan pada 22 Disember 2018, seramai 113,706 ahli isi rumah berjaya mendapat manfaat daripada Program Food Bank Malaysia sehingga Mac tahun ini.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, program Food Bank Siswa akan memberi manfaat kepada kira-kira 433 pelajar dari kumpulan B40 di kampus itu.

“Mudah-mudahan program ini akan meringankan beban pelajar ini supaya mereka dapat memberi tumpuan lebih kepada akademik mereka.

“Inisiatif seperti Food Bank dengan kerjasama dari pelbagai pihak ini akan menjadi titik permulaan yang baik untuk membantu pelajar menghadapi peningkatan kos sara hidup, dan meringankan beban mereka serta membantu menyelesaikan masalah ‘pengetatan tali pinggang’ di kalangan pelajar,” katanya.

Dalam acara yang sama, Maybank Islamic juga telah menyumbangkan RM60,000 untuk disumbangkan dalam kalangan pelajar yang memerlukan di UMS.



**SAIFUDDIN** menyampaikan bantuan makanan sebagai simbolik program Food Bank Siswa kepada pelajar kurang berkemampuan B40.